

**TITAH UCAPAN DULI YANG MAHA MULIA TUANKU SYED  
FAIZUDDIN PUTRA IBNI TUANKU SYED SIRAJUDDIN  
JAMALULLAIL PEMANGKU RAJA PERLIS,  
CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS DI MAJLIS  
SAMBUTAN PELAJAR BARU SIDANG AKADEMIK 2007/2008  
KOLEJ KEDIAMAN KAMPUNG WAI, KUALA PERLIS  
1 JULAI 2007**

Bismillahirrahmanirrahim

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani  
Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan  
Salam Perpaduan.

Alhamdulillah, Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Taala kerana dengan limpah kurnia dan izinNya, dapatlah Saya berangkat hadir bersama-sama hadirin sekalian di Majlis Sambutan Pelajar Baru Sidang Akademik 2007/2008 di Dewan Serbaguna, Kolej Kediaman Kampung Wai, Kuala Perlis, pada pagi ini.

Hadirin sekalian,

2. Pertama sekali, Saya mengucapkan Selamat Datang ke Universiti Malaysia Perlis dan tahniah serta syabas kepada semua ibu bapa yang ada di sini kerana telah berjaya mendidik anak-anak hingga mereka berjaya menjejak kaki ke menara gading.

Pengorbanan yang dibuat oleh semua ibu bapa sukar dinilai tetapi hadirnya anak-anak hadirin sekalian di sini hari ini jelas menunjukkan bahawa pengorbanan tersebut mula terbalas. Saya dapat merasakan, dari suasana di luar dewan dan keceriaan raut wajah hadirin sekalian di dalam dewan ini, bahawa hari ini merupakan hari yang sungguh istimewa bagi se isi keluarga. Istimewa dalam konteks di mana salah seorang daripada ahli keluarga telah berjaya diterima masuk belajar di sebuah institusi pengajian tinggi awam dalam bidang kritikal seperti kejuruteraan di Universiti Malaysia Perlis atau dengan ringkasnya UniMAP.

3. Keduanya, Saya suka memaklumkan bahawa UniMAP ini dulunya dikenali sebagai Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia atau KUKUM. Pada 1 Februari 2007 kerajaan telah bersetuju menukar nama KUKUM kepada Universiti Malaysia Perlis. Ibu bapa sekalian hendaklah bersyukur kepada Allah Subhanahu wa Taala dan berterima kasih kepada kerajaan kerana meletakkan UniMAP sebaris dengan universiti-universiti lain di negara kita ini. Ibu bapa sekalian juga tidaklah perlu was-was kerana UniMAP adalah sebuah IPTA yang telah menempa banyak kejayaan dari segi akademik dan penyelidikan. Saya yakin dan percaya bahawa pilihan anak-anak tuan-tuan dan puan-puan untuk menyertai UniMAP adalah satu pilihan yang tepat dan bijak, kerana mengikut statistik, hampir semua graduan sulung UniMAP telahpun mendapat pekerjaan

samada dengan kerajaan atau di syarikat-syarikat *multi-national* yang beroperasi di negara kita. Ini jelas menunjukkan bahawa graduan UniMAP juga telah diterima oleh sektor swasta. Saya berharap ibu bapa sekalian akan membawa balik berita baik ini dan menyebarkannya kepada rakan dan taulan tentang kecemerlangan UniMAP. Mudah-mudahan lebih ramai lagi para pelajar akan turut memilih untuk menyertai UniMAP di masa akan datang. Insya-Allah.

Hadirin sekalian,

4. Ketiganya, di masa yang singkat ini, Saya, selaku Canselor Universiti Malaysia Perlis ingin mengambil kesempatan di sini untuk menyampaikan harapan Saya kepada para pelajar, ibu bapa dan juga Universiti Malaysia Perlis.

Kepada semua para pelajar Saya berharap agar:

**Pertama**, mereka semua hendaklah belajar dengan bersungguh-sungguh supaya menjadi seorang pelajar yang berilmu, bersahsiah tinggi dan menjadi warganegara yang produktif.

**Kedua**, mereka semua hendaklah sentiasa memelihara dan menjaga nama baik keluarga dan UniMAP ketika menjadi seorang mahasiswa dan mahasiswi.

**Ketiga**, mereka semua hendaklah menyertai semua kegiatan berpersatuan dan bersukan secara sihat yang dianjurkan oleh UniMAP dan Kolej Kediaman.

**Keempat**, mereka semua hendaklah bergaul mesra sebagai satu keluarga tanpa membeza puak-puak tertentu berasaskan tempat asal mereka.

**Kelima**, mereka semua hendaklah membincangkan isu dan masalah pembelajaran mereka dengan Penasihat Akademik masing-masing dan isu-isu lain dengan Rakan Pendamping Siswa yang bertanggungjawab ke atas mereka ketika berada di UniMAP.

**Keenam**, mereka semua hendaklah memelihara peralatan asrama dan bilik kuliah dengan baik dan sempurna.

**Ketujuh**, mereka hendaklah mengikut dan menghadiri kelas mengikut jadual supaya tidak dihalang menduduki peperiksaan di akhir semester.

**Kelapan**, mereka hendaklah mengikut jadual pengangkutan yang ditetapkan bagi memudahkan mereka hadir kuliah.

**Kesembilan**, mereka semua hendaklah bersikap sopan ketika bergaul dengan masyarakat setempat dan tidak terlibat dengan kegiatan yang tidak sihat apabila berdampingan dengan masyarakat sekeliling.

Kepada semua ibu bapa Saya berharap agar:

**Pertama**, ibu bapa hendaklah memantau kemajuan pembelajaran anak-anak supaya mereka tidak merasa diketepikan oleh keluarga.

**Kedua**, ibu bapa hendaklah sekali sekala melawat anak-anak untuk melihat keadaan sebenar kehidupan mereka ketika berada di asrama.

**Ketiga**, ibu bapa hendaklah menasihati anak-anak mereka supaya sentiasa memberi fokus kepada pembelajaran dan mengambil berat tentang kebajikan mereka.

**Keempat**, ibu bapa hendaklah membantu anak-anak dari segi kewangan mengikut kemampuan.

**Kelima**, ibu bapa hendaklah menghubungi pihak Pusat Pengajian yang berkaitan, apabila perlu, untuk mengetahui pencapaian akademik anak-anak mereka.

**Keenam**, ibu bapa hendaklah memantau anak-anak mereka ketika musim percutian untuk memastikan para pelajar benar-benar berada di tempat yang tidak mencurigakan.

Kepada UNiMAP Saya berharap agar:

**Pertama**, UniMAP hendaklah memberi perkhidmatan yang terbaik dan mewujudkan persekitaran belajar yang kondusif kepada para pelajar untuk menimba ilmu pengetahuan.

**Kedua**, UniMAP hendaklah memantau pergerakan para pelajar supaya mereka benar-benar memberi perhatian kepada aktiviti pembelajaran.

**Ketiga**, UniMAP hendaklah menganjurkan aktiviti-aktiviti yang boleh membina sahsiah dan komunikasi pelajar supaya mereka dapat diterima oleh masyarakat dan majikan.

**Keempat,** UniMAP hendaklah sentiasa memelihara persekitaran asrama dan bilik kuliah supaya berada dalam keadaan selesa dan selamat.

**Kelima,** UniMAP hendaklah komited untuk melahirkan graduan yang bertaraf dunia, berketrampilan, bersahsiah tinggi, ikhlas, fasih berkomunikasi dan memenuhi kehendak pasaran pekerjaan.

**Keenam,** UniMAP hendaklah menjadi pengasuh dan pembimbing kepada para pelajar yang masih mentah dalam pergaulan bermasyarakat.

**Ketujuh,** UniMAP hendaklah tegas dalam menjalankan dasar dan peraturan universiti supaya ia sentiasa adil dan saksama.

**Kelapan,** UniMAP hendaklah membimbing para pelajar dalam kehidupan bermasyarakat dan mendedahkan mereka dengan aktiviti kemasyarakatan supaya mereka lebih bertanggungjawab atas tindakan mereka.

Hadirin sekalian,

5. Sebelum mengakhiri titah ucapan ringkas ini, Saya sekali lagi mengucapkan tahniah dan syabas di atas kejayaan anak-anak

hadirin sekalian yang berjaya memasuki IPTA pada tahun ini. Saya berharap ibu bapa sekalian akan sentiasa mengikuti perkembangan dan kemajuan anak-anak supaya mereka terus beriltizam untuk menamatkan pengajian mereka di UniMAP dengan kejayaan yang cemerlang.

6. Akhir sekali, Saya selaku Canselor UniMAP, menerima kemasukan anak-anak hadirin sekalian dan insyaallah akan menyerahkan kembali anak-anak hadirin sekalian, sebagai seorang graduan, empat tahun dari sekarang, di istiadat konvokesyen yang akan datang di sidang akademik 2010/2011 nanti. InsyaAllah.

Sekian,

Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.